



## **GARIS PANDUAN PENGENDALIAN DIVIDEN SATU PERINGKAT DALAM LEBIHAN AKTUARI YANG DIPINDAHKAN KEPADA DANA PEMEGANG SAHAM**

---

### **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Lebihan Aktuari adalah lebih baki pada akhir tahun perakaunan dalam akaun hasil dana hayat daripada perbandingan antara pendapatan yang diterima dengan tanggungan yang ditentukan oleh aktuari bagi tujuan pengagihan kepada pemegang saham dan pemegang polisi.
- 1.2 Aktuari akan menentukan sama ada Lebihan Aktuari untuk diagihkan kepada pemegang saham dipindahkan kesemuanya, sebahagian atau tiada kepada dana pemegang saham. Sekiranya dipindahkan, maka Lebihan Aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.
- 1.3 Lebihan Aktuari yang ditentukan mengandungi semua pendapatan yang diterima oleh dana hayat seperti premium, dividen, faedah, sewa dan keuntungan dari jualan pelaburan. Bagi tujuan cukai pendapatan, pendapatan dana hayat yang tertakluk kepada cukai adalah pendapatan pelaburan sahaja iaitu dividen, faedah, sewa dan keuntungan jualan pelaburan. Mulai tahun taksiran 2008, dividen satu peringkat dikecualikan cukai pendapatan.
- 1.4 Layanan cukai sekarang adalah mengenakan cukai ke atas amaun Lebihan Aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham tanpa mengambilkira elemen-elemen pendapatan yang terdapat di dalamnya semasa Lebihan Aktuari ditentukan. Ini menyebabkan dividen satu peringkat turut dikenakan cukai.
- 1.5 Bagi memberi kesan sepenuhnya kepada pengecualian cukai, pendapatan ke atas dividen satu peringkat yang diumumkan dalam Bajet 2008, pengecualian tersebut juga dilaksanakan ke atas dividen

satu peringkat yang terdapat dalam Lebihan Aktuari yang dipindahkan daripada dana hayat kepada dana pemegang saham.

## 2. OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung dengan pengendalian dividen satu peringkat dalam Lebihan Aktuari yang dipindahkan daripada dana hayat kepada dana pemegang saham.

## 3. DIVIDEN SATU PERINGKAT BERSIH – BAGI MAKSUD PENGECUALIAN

3.1 Lebihan Aktuari yang ditentukan bagi maksud pengagihan kepada pemegang polisi dan pemegang saham adalah lebihan pendapatan selepas ditolak perbelanjaan dan tanggungan mengikut penilaian aktuari yang tidak mengambilkira peruntukan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Lebihan Aktuari daripada dana hayat yang dipindahkan kepada dana pemegang saham adalah merupakan amaun bersih.

3.2 Lebihan Aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham merupakan amaun yang merangkumi Lebihan Aktuari bagi tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya.

3.3 Bagi maksud mengeluarkan dividen satu peringkat dalam Lebihan Aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham, bahagian pendapatan dividen satu peringkat bersih perlulah diambilkira.

3.4 Formula bagi mendapatkan bahagian pendapatan dividen satu peringkat bersih sebagai potongan daripada Lebihan Aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham adalah seperti berikut:

(i) Menentukan amaun pendapatan dividen satu peringkat bersih

$$\frac{A}{B} \times C = D$$

D - amaun pendapatan dividen satu peringkat bersih

A - Lebihan Aktuari tahun semasa

B - jumlah Lebihan Aktuari tahun semasa dan Lebihan Aktuari pada awal tahun.

C - bahagian pendapatan dividen satu peringkat

- (ii) Menentukan amaun pendapatan satu peringkat bersih yang dipindahkan kepada dana pemegang saham

$$\frac{E}{F} \times D = G$$

G - amaun pendapatan dividen satu peringkat bersih yang dipindahkan kepada dana pemegang saham

E - Lebihan Aktuari yang dipindahkan

F - jumlah Lebihan Aktuari yang dipindahkan dan bonus diagih kepada pemegang polisi

D - amaun pendapatan dividen satu peringkat bersih

#### 4. **PENGIRAAN LEBIHAN AKTUARI YANG DIPINDAHKAN KEPADA DANA PEMEGANG SAHAM YANG TERTAKLUK KEPADA CUKAI PENDAPATAN**

##### 4.1 Jadual pengiraan Lebihan Aktuari daripada akaun hasil dana hayat

	RM
Premium kasar	XX
Tolak: Insurans Semula	(XX)
Premium bersih	XX
Tolak: Tuntutan/manfaat polisi dibayar dan boleh dibayar untuk kematian/matang/serah/bonus tunai dan sebagainya	(XX)
	XX
Tolak/Campur: (Peningkatan)/pengurangan dalam rezab (ditentukan oleh aktuari)	(XX)
Perbelanjaan agensi dan komisen	(XX)
Perbelanjaan pengurusan	(XX)
	XX
Pendapatan pelaburan bersih	XX
Pendapatan bersih operasi lain	XX
Lebihan sebelum cukai	XX
Tolak: Cukai	(XX)
Lebihan dalam tahun/Lebihan Aktuari	XX (A)

4.2 Jadual pengagihan Lebihan Aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham

	RM
Lebihan aktuari yang tidak diagihkan pada awal tahun	XX (B)
Tambah: Lebihan aktuari dalam tahun semasa	XX (B)
Tolak: Bonus diagihkan kepada pemegang polisi	(XX) (F)
Tolak/Campur: Pemindahan (kepada)/daripada penyata pendapatan (Lebihan Aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham)	(XX) (E) & (F)
Lebihan tidak diagihkan pada akhir tahun	XX

4.3 Jadual pendapatan pelaburan bersih (Mengandungi dividen satu peringkat)

	RM
Faedah	XX
Dividen XX	
Dividen satu peringkat XX (C)	XX
Sewa	XX
Tolak: Perbelanjaan pelaburan	(XX)
Pelaburan bersih	XX

4.4 Jadual pengiraan Lebihan Aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham yang tertakluk kepada cukai pendapatan

	RM
Lebihan Aktuari yang dipindahkan	XX (E)
Tolak: Amaun pendapatan dividen satu peringkat bersih yang dipindahkan kepada dana pemegang saham	(XX) (G)
Pendapatan bercukai ( E – G)	XX

4.5 Pengiraan amaun potongan bahagian pendapatan dividen satu peringkat bersih berserta dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah disediakan dan ditunjukkan dalam pengiraan cukai oleh pihak syarikat.

4.6 Dokumen sokongan berkaitan pengiraan tersebut hendaklah disimpan bagi tujuan pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## Example

### LIFE FUND REVENUE ACCOUNT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2008

	RM ( ' 000)
Gross premium	521,856
Less: Reinsurance	<u>(36,378)</u>
Net premium	485,478
Less: Benefit paid and payable (surrender, death, maturity, cash bonus, others)	<u>(110,557)</u>
	374,921
Less: Commission and agency expenses	(84,225)
Less: Management expenses	<u>(48,428)</u>
	242,268
Investment income	29,097
Other operating income /(expenditure) – net	<u>34,137</u>
Surplus before taxation	305,502
Taxation	<u>(5,469)</u>
Surplus after taxation but before policy reserves (Less)/add:	300,033
(Increase)/decrease in policy reserves	<u>(274,015)</u>
<b>Surplus arising during the year (A)</b>	<b>26,018<sup>1</sup></b>
<b>Transfer (to)/from income statement (E)</b>	<b>(2,000)<sup>2</sup></b>
Bonus allocated to participating policyholders (F)	<u>(17,570)<sup>3</sup></u>
Unallocated surplus at beginning of year (B)	<u>24,741<sup>4</sup></u>
Unallocated surplus at end of year	<u>31,189</u> =====

### Investment Income from 01/01/2008 to 31/12/2008

	RM ( '000)
a) Interest from:	
• Fixed deposits/money market	
• Malaysia Government papers	
• Malaysian Government guaranteed loans	
• Cagamas papers	
• Debentures, bonds and loan stocks	
• Loans – (policy loans, other secured loans, staff loans)	23,241

b)	<b>Gross dividends from:</b>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Quoted shares (in Malaysia/outside Malaysia)</b></li> <li>• <b>Unquoted shares</b></li> <li>• <b>Unit Trust</b></li> <li>• <b>Others (single-tier dividend) (C)</b></li> </ul>	<b>2,112<sup>5</sup></b>
c)	Rental (less rates and maintenance)	270
d)	Accretion of discounts on:	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysian Government guaranteed bonds</li> <li>• Cagamas bonds</li> <li>• Unquoted bonds of corporations</li> <li>• Bank guaranteed promissory note</li> </ul>	1,401
e)	Amortisation of premiums on:	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysian Government securities</li> <li>• Malaysian Government guaranteed bonds</li> <li>• Cagamas bonds</li> <li>• Quoted convertible loan stocks</li> <li>• Unquoted bonds of corporations</li> <li>• Negotiable certificate deposits</li> </ul>	(2,740)
f)	Investment Income from investment-linked business	<u>4,813</u>
	Total Investment Income	29,097 =====

**(i) Pengiraan amaun pendapatan dividen satu peringkat bersih**

$$\left[ \frac{A}{B} \times C \right] = D$$

$$A = 26,018,000^1$$

$$B = 26,018,000 + 24,741,000^4$$

$$C = 2,112,000^5$$

$$\frac{26,018,000}{50,759,000} \times 2,112,000 = 1,082,567 \text{ (D)}$$

- (ii) **Pengiraan amaun pendapatan dividen satu peringkat bersih yang dipindahkan kepada dana pemegang saham**

$$\left[ \frac{E}{F} \times D \right] = G$$

$$E = 2,000,000^2$$

$$F = 2,000,000 + 17,570,000^3$$

$$D = 1,082,567$$

$$\frac{2,000,000}{19,570,000} \times 1,082,567 = 110,635 \text{ (G)}$$

**Amaun Lebihan Aktuari yang dipindahkan kepada dana pemegang saham tertakluk kepada cukai pendapatan**

Amaun Lebihan Aktuari yang dipindahkan = 2,000,000

Tolak : Pendapatan dividen satu peringkat bersih = 110,635

Amaun pendapatan bercukai = 1,889,365

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

27 Julai 2012

s.k: LHDN.01/35/42/51/344